

# G-Tel UMS ungguli Festival Teater

BH 12.9.13 4

**Kota Kinabalu:** Grup Teater Lab (G-Tel) Sekolah Pengajian Seni (SPS) Universiti Malaysia Sabah (UMS) muncul juara keseluruhan Festival Teater peringkat negeri bagi mewakili Sabah ke peringkat kebangsaan.

Kumpulan itu turut memenangi kategori Pengarahan Terbaik, Sinografi, Pelakon Wanita dan Pelakon Pembantu Lelaki terbaik serta Pelakon Harapan Lelaki Terbaik.

Pengarahannya, Tasia Arlina Ismail, berkata G-Tel membawa skrip bertajuk 'Vito IL MAFIOSO' dengan idea asal daripada skrip Deklamasi dan Lakon (Dekon) Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM).

## Konsep berunsur komik

"Saya tidak menyangka konsep berunsurkan komik dan hitam putih itu dapat memukau juri untuk dinobatkan sebagai juara pertandingan anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Sabah," katanya.

Sementara itu, Penasihat kumpulan G-Tel, Dr Andika Aziz Hussin, berbangga dengan kejayaan kumpulan teater dianggotai pelajar dan alumni UMS itu.

"Pencapaian ini besar maknanya bagi universiti dan tidak akan dicapai tanpa sokongan semua pihak khususnya Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah," katanya menerusi kenyataan di sini, semalam.



**Kumpulan G-Tel dari UMS dinobatkan johan** keseluruhan Festival Teater peringkat negeri Sabah 2013.